

Matrix Show 2019 saluran siswa-siswi UMS hasil karya seni peringkat tinggi

UB 11.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Pengajian pameran Matrix Show 2019 oleh pelajar tahun akhir program Teknologi Seni Visual Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi saluran terbaik kepada siswa-siswi UMS untuk terus menghasilkan karya seni yang mampu bersaing di peringkat yang lebih jauh.

Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTY) Datuk Kamal D.E Quadra berkata, usaha ini adalah amat penting dan mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di universiti.

"Melalui projek akhir dan

pameran ini, siswa-siswi telah dilatih untuk menghasilkan karya-karya seni mengikut bidang-bidang yang dipilih.

"Saya percaya usaha ini sekali gus melahirkan siswa-siswi yang mempunyai kemahiran insaniah atau soft skill yang tinggi," katanya ketika merasmikan program tersebut di Galeri Seni FKSW.

Terdahulu, Dekan FKSW Dr. Marsitah Mohd Radzi berkata, tema pameran Matrix Show iaitu *Light of Borneo* yang merujuk kepada keistimewaan yang terdapat di bumi Borneo mampu memperkenalkan lagi budaya, adat, kaum dan kepercayaan di kawasan Borneo melalui karya yang dihasilkan.




KAMAL D.E Quadra menyempurnakan simbolik perasmian pameran Matrix 2019.

"Hasil karya pelajar memperkenalkan keunikan budaya di Borneo yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk visual seperti

seni arca, catan, cetakan, seramik, batik, lukisan, identiti korporat, media baharu, pengiklanan dan filem," katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu melibatkan pameran hasil karya seramai 66 tahun akhir program Teknologi Seni Visual FKSW.

Hadir sama pada program tersebut penyelaras program, Dr. Zaimie Sahibil dan pengarah program, Dayang Masziah Sidek.



KAMAL D.E Quadra menerima cenderamata daripada Dekan FKSW, Dr. Marsitah Mohd Radzi.

